

Headline	Arul belum puas hati		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Arena	Page No	53
ArticleSize	140 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,545		



PEMAIN UniKL Agmal Abd Ghaffar (kiri) menghalang pemain TNB Najib Abu Hassan (kanan).

## Arul belum puas hati

**Kuala Lumpur:** Universiti Kuala Lumpur (UniKL) melonjak ke tangga teratas Liga Perdana TNB Liga Hoki Malaysia selepas mencatat kemenangan kedua berturut-turut, kali ini menewaskan TNB 1-0.

Namun kemenangan itu masih belum dapat memuaskan hati pengendali UniKL Arul Selvaraj.

“Memang kami menang 1-0 tapi sebenarnya kami boleh meraih banyak gol lagi selepas pemain banyak mensia-siakan peluang.

“Kami tahu TNB tidak akan memberi laluan mudah dan mereka sering mencari peluang untuk menjaringkan gol.

“Apapun saya harus memberi pujian kerana mereka benar-benar inginkan kemenangan.

“Kapten Marhan Jalil kunci utama kepada semangat tinggi setiap pemain apabila dia sering memberi arahan berguna,” katanya.

Penyerang UniKL Faridzul Afiq Mohd memecah kebuntuan apabila berjaya mencari ruang dalam kawasan D untuk menjaringkan gol padang minit ke-49.

Ia kemenangan kedua berturut-turut UniKL selepas membenam Sekolah Sultan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) 5-0, Jumaat lalu.